

**TEKS UCAPAN ALUAN
Y.BHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR UniMAP
MAJLIS IFTAR KUBRA UniMAP
DI DEWAN ILMU, UniMAP PAUH PUTRA
1 RAMADHAN 1439H**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Ramadhan,

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTATION

Rakan-rakan saya, Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Prof Madya Razli Ahmad, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Para penaja,

Sekretariat Majlis Iftar Kubra UniMAP,

Anak-anak siswa/i UniMAP seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah Azza Wajjalla yang telah menganugerahi kita bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan yang

penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Terlebih dahulu, bersyukur juga kita kerana dengan limpah dan rahmat Illahi, diizinkanNya untuk kita berkumpul di dewan ini bagi memeriahkan majlis berbuka puasa bersama-sama di hari pertama Ramadan hari ini.
3. Sekalung penghargaan kepada sekretariat penganjuran majlis ini iaitu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK), Pusat Islam UniMAP dan semua pihak yang bekerjasama samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam merealisasikan majlis ini.

Hadirin sekalian,

MAJLIS IFTAR KUBRA UniMAP 2018

4. Selepas reda bahang Pilihanraya Umum ke-14, hari ini kita sudah melalui Ramadan hari yang pertama. Difahamkan hampir 1,000 mahasiswa termasuk sebahagian staf UniMAP turut sama memeriahkan Majlis Iftar Kubra UniMAP 2018 hari ini. Alhamdulillah.
5. Namun, dalam kita menjalani ibadah puasa dan membuat persiapan menyambut Syawal, kita seharusnya tidak melupakan sebahagian rakan-rakan yang kurang bernasib baik tidak kira samada di UniMAP mahupun masyarakat setempat dengan kita.
6. Ia juga selari dengan penganjuran majlis pada hari ini iaitu bagi meraikan Ramadan dengan berbuka puasa bersama-sama sekaligus dapat mengeratkan hubungan ukhuwah mahasiswa selain menyemai perasaan cinta dan ikhlas dalam mengerjakan amal ibadah menerusi slot pengisian program sepanjang majlis ini berlangsung.

7. Justeru, sempena bulan yang mulia ini, saya menyeru agar warga UniMAP khususnya anak-anak mahasiswa UniMAP meringankan tangan menghulurkan sedekah mahupun berkongsi juadah berbuka puasa bersama golongan kurang bernasib baik yang dapat kita kenalpasti di sekeliling kita semua.
8. Ia tidak semestinya dilakukan secara formal, cukuplah kumpulan kecil mahasiswa UniMAP mengunjungi mereka seterusnya menghulurkan bantuan sekadar yang mampu. Sungguhpun bantuan tidak seberapa, percayalah ia akan memberi nikmat yang tidak berbelah bahagi kepada mereka tambahan lagi ia dilakukan di dalam bulan Ramadan. InsyaAllah.

Anak didik yang dikasihi sekalian,

ZAKAT

9. Bersempena dengan kehadiran bulan yang mulia ini juga, kita digalakkan untuk mempertingkatkan amal ibadah. Alhamdulillah, untuk majlis hari ini kita telah mendapat sumbangan makanan berjumlah RM 2,000 dan 240 kotak kurma untuk diagihkan kepada kolej-kolej kediaman UniMAP.
10. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada insan-insan yang bermurah hati ini. Sesungguhnya sumbangan ini amat bermakna buat kami warga UniMAP. Hanya Allah Azza Wajalla yang dapat membalas jasa baik insan-insan ini.
11. Pada hari ini juga, seramai 20 orang pelajar akan menerima zakat dari Tabung Zakat Korporat UniMAP. saya difahamkan mereka ini bakal menerima wang tunai berjumlah RM 500. UniMAP sentiasa peka kepada permasalahan pelajar terutamanya dalam aspek kewangan dan kita sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan kebajikan yang terbaik kepada pelajar.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

12. Rasanya tidak perlulah saya bercakap panjang lebar lagi. Justeru, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan Majlis Iftar Kubra UniMAP 2018 petang ini.

13. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi terima kasih kepada para penaja, semoga apa yang disumbangkan pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua.

14. Harapan saya menerusi majlis ini dapat menyuntik kesedaran serta mengeratkan silaturahim di kalangan kita semua baik mahasiswa mahupun staf UniMAP. Akhir kata, semoga majlis hari ini serta amal ibadah kita semua sepanjang bulan ini diberkati dan diterima olehNya. Amiin Yarabbal A'lamin.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.